



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**PENGURUSAN KRAFTANGAN TIKAR KASAH DI KAMPUNG
ANNAH RAIS**

ANTONIA ANAK SIANG

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2014**

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (√)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the**20**.....day of...**JUNE**.....2014.

Student's Declaration:

I **ANTONIA ANAK SIANG, 29629, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS**
..... (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby
declare that the work entitled **PENGURUSAN KRAFTANGAN TIKAR KASAH DI KAMPUNG**
ANNAH RAIS, PADAWAN

..... is my original work. I have not copied from any other
students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement
is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

20 JUNE 2014

ANTONIA ANAK SIANG (29629)

Date submitted

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I **Dr. ANNA DURIN** (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that
the work entitled..... **PENGURUSAN KRAFTANGAN TIKAR KASAH DI**
KAMPUNG ANNAH RAIS, PADAWAN

..... (TITLE) was prepared by the above named student, and was
submitted to the "FACULTY" as a * partial/fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF**
APPLIED ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT) (PLEASE
INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is
the said student's work.

Dr Anna Durin

Received for examination by: _____ Date: _____

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL**(Contains confidential information under the Official Secret Act1972)*
- RESTRICTED**(Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
- OPEN ACCESS**

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____
(2014)

Supervisor signature: _____
(2014)

Current Address:

Kuching, Sarawak

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan dalam disertasi ini telah digunakan sebagai bahan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institusi pengajian tinggi lain.

Yang Benar,

.....

ANTONIA ANAK SIANG

29629

Program Pengurusan Seni

PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Tuhan kerana saya telah berjaya menyiapkan tesis ini yang bertajuk Pengurusan Tikar Kasah di Kampung Annah Rais. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Dr. Anna Durin yang telah banyak memberikan tunjuk ajar serta dorongan sepanjang menyiapkan kajian ini. Ucapan jutaan terima kasih juga kepada kedua ibu bapa saya, Encik Siang Anak Sayod dan Puan Kaop Anak Jinggong yang banyak memberikan nasihat, pandangan serta memberikan sumber kewangan kepada saya sepanjang melaksanakan kajian ini. Sesungguhnya jasa, galakkan dan doa mereka telah banyak memberikan semangat kepada saya sehingga saya berjaya menyiapkan tesis ini.

Penghargaan juga kepada abang saya, Martin Fros Anak Siang, kerana sanggup membahagikan masa untuk menghantar saya untuk mengutip data. Jutaan terima kasih ditujukan kepada kakak saya, Frandy Susan Anak Siang dan adik saya, Patty Anak Siang kerana sentiasa ada bersama ketika saya menjalankan kajian lapangan di lokasi kajian. Ucapan terima kasih juga kepada informen-informen yang telah memberikan maklumat-maklumat berguna sehingga saya telah berjaya menyiapkan kajian ini. Informen-informen yang dimaksudkan termasuklah Bawi anak Jaew, Encik Katis, Ewing Cnong, Rose anak Ngaseg, Tiot anak Maur, Ngor anak Nigo, Riwan anak Rusip, Sundis anak Ngaul dan Nau anak Keyek.

Penghargaan juga diberikan kepada rakan-rakan yang banyak membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung. Tanpa kalian, kajian saya tidak akan berjaya untuk sampai ke tahap ini. Jutaan terima kasih kepada semua yang telah terlibat.

Sekian.

ISI KANDUNGAN

MUKASURAT

DEKLARASI.....	ii
PENGAKUAN.....	iii
PENGHARGAAN.....	iv
ISI KANDUNGAN.....	v
ABSTRAK.....	vi & vii
BAB 1	
TAJUK KAJIAN.....	1
PENDAHULUAN.....	1- 4
LATAR BELAKANG KAJIAN.....	5- 6
HIPOTESIS.....	6
PERMASALAHAN KAJIAN.....	7
OBJEKTIF KAJIAN.....	8
SOALAN KAJIAN.....	8- 9
LOKASI KAJIAN.....	10
KERANGKA KAJIAN.....	11- 30
BAB 2 : SOROTAN KESUSASTERAAN.....	31- 38
KEPENTINGAN KAJIAN.....	39
SKOP KAJIAN.....	39
RUMUSAN.....	40
BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN.....	41- 45
BAB 4 : DAPATAN KAJIAN.....	46- 96
BAB 5 : RUMUSAN DAN CADANGAN.....	97- 104
LAMPIRAN :	105- 107
GLOSARI :	108
RUJUKAN :	109- 111

ABSTRAK

Kajian ini adalah berkenaan dengan Tikar Kasah suku kaum Bidayuh. Tujuan kajian ini ialah pertama, untuk mengenalpasti motif, fungsi dan seni yang terdapat pada anyaman Tikar Kasah. Tujuan kedua ialah mengkaji sistem pengurusannya dari segi kewangan, pemasaran dan usaha pemeliharaannya dan tujuan yang ketiga ialah untuk mengenalpasti kerelevanan penggunaan seni anyaman kraftangan Tikar Kasah pada masa kini. Perkara yang dikaji adalah mengenai konsep, seni dan fungsi Tikar Kasah serta sistem pengurusan yang merangkumi pengurusan kewangan, pengurusan pemasaran dan usaha untuk memelihara seni warisan ini serta mengenalpasti kerelevanan penggunaannya pada masa kini. Lokasi kajian dijalankan di Kampung Annah Rais yang bertempat di Daerah Padawan, Sarawak. Kajian ini dijalankan dengan kaedah kualitatif iaitu melalui pemerhatian, temu bual dan dokumentasi. Hasil dapatan kajian telah menunjukkan bahawa memang terdapatnya pengurusan seperti pengurusan kewangan, pengurusan pemasaran dan usaha untuk memelihara Tikar Kasah di Kampung Annah Rais.

ABSTRACT

This research is about Tikar Kasah of the Bidayuh ethnic. The purpose of this research is to identify the motifs, function and arts of Tikar Kasah weaving and the concept of management such as financial management, marketing management and conservation. Apart from that, this research is also to identify the relevance of using Tikar Kasah nowadays. The related research is about the concept , art and function of Tikar Kasah as well as the management system such as financial management, marketing management, and the conservation of Tikar Kasah as a heritage value. This research is done at Kampung Annah Rais, Padawan , Sarawak. The research methodology that is use in this project is qualitative research which involves observation, interview and documentation. The research outcome have shown that there is a systematic management such as financial management, marketing management, and the effort to conserve Tikar Kasah at Kampung Annah Rais.

BAB 1

PENGURUSAN KRAFTANGAN TIKAR KASAH DI KAMPUNG ANNAH RAIS

Pengenalan

Kajian ini adalah mengenai pengurusan Tikar Kasah di Kampung Annah Rais. Antara persoalan yang akan dibincangkan dalam kajian ini adalah untuk mengenalpasti motif, fungsi dan seni yang terdapat pada anyaman Tikar Kasah di Kampung Annah Rais. Apa itu Tikar Kasah? Tikar Kasah merupakan sebuah tikar rotan yang dianyam oleh masyarakat Bidayuh. Tikar Kasah merupakan seni warisan anyaman yang masih digunakan dalam kehidupan seharian masyarakat Bidayuh. Tikar Kasah terbahagi kepada dua jenis iaitu *Kasah Segeh* dan *Kasah Maiee*. Tikar ini merupakan salah satu ekspresi budaya masyarakat Bidayuh. Tikar ini diperbuat daripada rotan dan diikat dengan menggunakan kulit kayu yang tahan lama (*Baiyuh*). Seni warisan budaya ini merupakan karya yang dapat dibanggakan oleh masyarakat Bidayuh. Hal ini disebabkan, Tikar Kasah mencerminkan falsafah, nilai dan pandangan dunia Bidayuh dan begitu sinonim dalam kehidupan masyarakatnya kerana tikar ini menjadi salah satu daripada tiga kewujudan kebudayaan Bidayuh yang mengatakan bahawa budaya wujud sebagai benda-benda hasil karya manusia (Koentjaraningrat,1973) . Tikar Kasah merupakan

salah satu kraftangan yang dihasilkan melalui kaedah menganyam. Masyarakat Bidayuh masih mengekalkan seni anyaman sehingga ke hari ini dalam kehidupan tradisional mereka. Hasil kerja menganyam ini telah membentuk sebuah persekitaran hidup yang dapat dilihat kegunaannya daripada tikar kepada dinding pelindung. Penetapan di kedudukan kawasan tropika menjadi satu kelebihan kepada golongan masyarakat kerana mereka dapat memperoleh tumbuh-tumbuhan yang sesuai untuk menghasilkan anyaman. Tumbuhan-tumbuhan tropika khasnya rotan mudah didapati dan memberikan kelebihan kepada mereka untuk terus menghasilkan barangan kraftangan.

Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji sistem pengurusan dari segi kewangan, pemasaran dan penggunaannya. Sistem pengurusan ini adalah merangkumi cabang pengurusan seperti perancangan, pengorganisasian, kepemimpinan dan pengawalan. Kesemua aspek ini akan dikaji dan turut berdasarkan konsep 4P's iaitu, *Product*, *Price*, *Place* dan *Promotion*. Konsep ini digunakan agar kajian yang dijalankan memenuhi keperluan objektif kajian ini.

Anyaman merupakan satu proses menjalin atau menjaring- jaringan helaian daun buluh, rotan, lidi, bertam, paku – pakis, ribu- ribu atau bahan lain dengan menggunakan cara dan peraturan tertentu melalui teknik menyelang- nyelikan helaian antara satu sama lain. Seni kraf tangan ini dipercayai muncul dan berkembang tanpa pengaruh luar. Pada zaman dahulu, aktiviti anyaman dilakukan oleh kaum wanita untuk mengisi masa lapang dan bukan sebagai mata pencarian utama. Seseorang wanita

dianggap tidak mempunyai sifat kewanitaan yang sempurna jika tidak memiliki kemahiran dalam seni anyaman. Walaupun proses anyaman biasanya dilakukan oleh kaum wanita, kaum lelaki juga sering terlibat sama dalam aktiviti mengambil rotan dan sebagainya. Malah, dalam proses menganyam Tikar Kasah ini, kaum lelaki memiliki kemahiran menganyam yang handal dan mampu menghasilkan hasil anyaman yang berkualiti.

Tumbuh-tumbuhan tropika yang sering digunakan dalam seni anyaman termasuklah buluh, mengkuang, pandan, ribu- ribu, lidi dan rotan. Melalui perbezaan tumbuhan ini, masyarakat dapat menghasilkan pelbagai bentuk dan barangan seni anyaman. Keseluruhannya, penghasilan sesebuah anyaman tidak begitu ketara kerana hasil anyaman adalah bergantung kepada jenis tumbuhan yang digunakan sebagai bahan anyaman. Kasah berfungsi sebagai salah satu penerus budaya dalam kalangan masyarakat Bidayuh. Masyarakat Bidayuh perlu menyediakan kemudahan kearah kesinambungan biologikal penghasilannya untuk memastikan kemahiran menganyam tikar ini dapat membiak seterusnya melestarikan kewujudannya.

Selain itu, kajian ini turut merangkumi kajian untuk mengenalpasti kerelevanan penggunaan Tikar Kasah pada masa kini. Hal ini akan mengkaji tentang penggunaan Tikar Kasah pada masa sekarang untuk mengenalpasti tentang penggunaan Tikar Kasah sehingga ke hari ini. Objektif ini penting untuk memberikan pencerahan kepada kajian yang akan dilaksanakan. Selain itu, penggunaan objektif ini dapat membantu saya

mengkaji dengan lebih mendalam tentang penggunaan ini oleh masyarakat Bidayuh sendiri dan termasuk masyarakat lain yang berminat untuk membeli seterusnya menggunakan tikar ini.

Pelbagai aspek harus diselidiki dalam usaha mengekalkan seni anyaman ini. Sebuah organisasi kebudayaan perlu bergiat aktif untuk melestarikannya. Kampung Annah Rais memiliki kemudahan *homestay* yang berfungsi sebagai penghubung seni anyaman ini dengan generasi muda. Antara *homestay* yang lazim diperkatakan yang merangkumi kawasan Daerah Padawan termasuklah *Homestay Bunuk*, *Homestay Kampung Belimbing* dan *Homestay Annah Rais*. Langkah ini seterusnya dapat melestarikan penggunaannya dalam kalangan masyarakat. Setiap penduduk yang menyediakan perkhidmatan *homestay* bertanggungjawab untuk melihat dari setiap sudut dalam memperkenalkan seni anyaman ini. Pengendalian penganyam yang bertanggungjawab untuk menghasilkan seni anyaman ini perlu diberi perhatian khusus. Manakala, organisasi tersebut haruslah memiliki sistem kewangan yang teliti dan cukup untuk mengupah pekerja. Secara keseluruhannya, organisasi tersebut perlu melakukan pengurusan yang cekap dan berkesan. Organisasi tersebut perlu berupaya untuk merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal sumber organisasi seperti sumber manusia, kewangan, fizikal dan maklumat untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Kaedah ini bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan sesama manusia, malah dapat memberikan kelebihan kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Latar Belakang Kajian

Pada bahagian pertengahan dan atas sungai di Sarawak merupakan kawasan yang didiami oleh kaum 'Dayak'. 'Land Dayak' sinonim dengan masyarakat Bidayuh yang merupakan kaum asal yang mendiami kepulauan Borneo. Banyak hasil tangan yang dihasilkan oleh masyarakat Bidayuh seperti buah tangan dan barangan kraf dijual di sekitar Kuching. (Munan, 1989. Halaman vi). Kajian ini adalah berkaitan dengan kraftangan Tikar Kasah di Kampung Annah Rais yang merupakan salah satu produk ekspresi budaya masyarakat Bidayuh.

Kajian ini akan dilaksanakan di Kampung Annah Rais. Pemilihan kampung ini adalah disebabkan terdapat kemudahan *homestay* yang menerapkan cara hidup masyarakat Bidayuh. Selain itu, kampung tersebut semakin berkembang menerusi pendedahan kebudayaan masyarakat Bidayuh kepada pengunjung. Institusi *homestay* dapat membantu mengembangkan pemasaran Tikar Kasah disamping dapat membantu mempromosikan kesenian yang dimiliki oleh tikar tersebut.

Kajian ini tertumpu kepada aspek pengurusan yang perlu dilakukan terhadap seni anyaman ini untuk mengembangkannya. Aspek pengurusan ini merangkumi proses pengurusan seperti perancangan, pengorganisasian, kepemimpinan dan pengawalan. Pengurusan Tikar Kasah turut merangkumi perihal kewangan, pemasaran dan cara untuk pemeliharaannya. Turut dikaji juga mengenai motif, seni dan fungsi kraf ini sebagai sorotan kesusasteraan. Kajian ini memerlukan sorotan kesusasteraan ini kerana melalui hasil penyelidikan lampau banyak maklumat yang akan diperolehi. Maklumat tersebut akan digunakan dalam membantu untuk mencapai objektif penyelidikan ini.

Hipotesis

Berdasarkan kajian ini, Tikar Kasah di Kampung Annah Rais dapat dikembangkan menerusi aplikasi pengurusan yang sewajarnya. Jawatankuasa kampung atau perusahaan secara persendirian yang bergiat aktif di perkampungan Annah Rais perlu mempergiatkan kaedah 4 P's melalui proses merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal proses penghasilan serta pemeliharaan Tikar Kasah. Melalui kaedah pengurusan yang yang efektif , masalah modal, tenaga kerja, dan sebagainya dapat diatasi dengan sewajarnya.

Permasalahan Kajian

Tikar Kasah ialah warisan seni budaya masyarakat Bidayuh di Daerah Padawan. Pada masa kini, masih terdapat diantara masyarakat Bidayuh menganyam Tikar Kasah untuk tujuan persendirian dan juga komersial. Isu kajian ini adalah pengurusan Tikar Kasah berkenaan dengan kewangan, pemasaran dan penggunaannya. Selain itu, isu kajian ini turut merangkumi penggunaan Tikar Kasah yang masih relevan dalam kalangan masyarakat kerana penghasilannya masih diteruskan oleh pakar penganyam sehingga ke hari ini.

Objektif Kajian

1. Mengenalpasti motif, fungsi dan seni yang terdapat pada anyaman Tikar Kasah di Kampung Annah Rais
2. Mengkaji sistem pengurusan Tikar Kasah dari segi kewangan, pemasaran dan usaha pemeliharaannya.
3. Mengenalpasti kerelevanan penggunaan seni anyaman kraftangan Tikar Kasah pada masa kini.

Soalan Kajian

Masyarakat Bidayuh terkenal dengan keunikannya yang tersendiri. Mereka sinonim dengan seni persembahan Tarian Rejang yang ditarikan dengan mengenakan pakaian tradisional Bidayuh yang menekankan warna merah dan hitam. Tarian Rejang ini disusuli dengan irama daripada alat-alat muzik seperti gong, *Tawak* dan lain- lain.

Kebudayaan masyarakat Bidayuh masih boleh didapati di perkampungan yang terletak di pedalaman. Misalnya, Kampung Annah Rais yang menjadi salah satu lokasi pelancongan perkampungan Bidayuh yang semakin berkembang dengan kelebihannya yang tersendiri. Perkhidmatan *homestay* menjadikan kampung ini sering dilawati pengunjung dari dalam dan luar negara. Para pelancong akan didedahkan dengan sejarah, makanan tradisi, cara hidup suku kaum Bidayuh serta diberikan peluang untuk mengenali seni kraftangan masyarakat ini. Tikar Kasah sememangnya memiliki daya tarikan yang tersendiri.

Walaupun terdapat beberapa suku kaum yang menghasilkan seni anyaman yang berbentuk tikar rotan misalnya kaum Penan namun, hasil anyaman mereka tentunya memiliki perbezaan tersendiri dari segi motif dan corak anyaman. Sama seperti Tikar Kasah yang merupakan seni kraftangan Bidayuh. Malangnya, seni anyaman ini semakin pupus disebabkan oleh faktor- faktor tertentu. Antaranya termasuklah kekurangan minat generasi muda untuk mempelajari kaedah menganyam Tikar Kasah, kekurangan promosi terhadap seni warisan ini, kekurangan pendedahan berkaitan seni warisan ini dan lain-lain. Pengurusan Tikar Kasah harus giat dijalankan dengan kerjasama masyarakat di Daerah Padawan dan dibawah penyeliaan Majlis Perbandaran Padawan (MPP) dan Sarawak Craft Council. Pengurusan seni warisan ini perlu dijalankan bersama agar dapat mewujudkan generasi pelapis yang bertanggungjawab. Organisasi yang dilantik harus merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal aktiviti yang dilaksanakan dalam usaha mengembangkan seni kraftangan Tikar Kasah ini.

Lokasi Kajian

Kajian ini dilaksanakan di salah satu perkampungan masyarakat Bidayuh di Daerah Padawan. Lokasi kajian ini tertumpu di Kampung Annah Rais. Perkampungan ini menjadi pilihan kajian disebabkan terdapat perkhidmatan *homestay* yang memudahkan urusan pengurusan Tikar Kasah dalam melambangkan seni anyaman warisan Bidayuh. Kemudahan *homestay* sebagai servis budaya dapat membantu mempromosikan produk budaya Bidayuh ini. Suku kaum Bidayuh merupakan salah satu daripada beberapa kumpulan etnik yang terdapat di Sarawak. Penempatan masyarakat ini lebih tertumpu di Daerah Kuching, Serian, Bau, Lundu dan Padawan. Masyarakat Bidayuh merupakan kumpulan etnik ke-4 terbesar di Sarawak dan memiliki populasi sebanyak 8% daripada 28 jenis kumpulan etnik di Sarawak.

Pemilihan lokasi kajian ini juga membantu saya untuk mengenalpasti peluang yang ada untuk mendapatkan maklumat berkaitan Tikar Kasah Bidayuh. Penyelidikan ini akan lebih mudah kerana masyarakat di kampung tersebut bertutur dalam Bahasa Bidayuh Biatah. Sesi temuduga dan soal jawab bersama responden dapat dijalankan dengan selesa dan mereka dapat menyuarakan pendapat mereka dengan cara yang difahami oleh kedua-dua belah pihak. Selain itu, pada setiap lokasi kajian ini terdapat golongan pakar yang mahir dalam menghasilkan Tikar Kasah. Kerjasama dan keramahaan dalam kalangan orang kampung juga menjadi salah satu sebab kampung-kampung ini dijadikan sebagai lokasi kajian. Faktor-faktor ini dapat membantu dalam menyelesaikan masalah dan mencapai objektif kajian ini

Kerangka Kajian

Pengenalan

Kerangka kerja yang digunakan dalam kajian ini ialah konseptual teoritikal yang diambil daripada pendapat- pendapat pengkaji pada masa lampau atau masa lepas. Konsep teori tersebut ialah berkaitan dengan pengurusan sebab kajian ini ialah berkaitan dengan pengurusan Tikar Kasah di Padawan. Oleh yang demikian, konsep yang dipilih adalah sangat sesuai digunakan sebagai garis panduan untuk membantu dalam penyelesaian permasalahan kajian dan seterusnya untuk membantu mencapai objektif-objektif kajian ini. Dalam pengurusan beberapa perkara mengenai pengurusan yang berkaitan dengan kajian ini akan dibincangkan di bawah ini seperti pengurusan kewangan, pengurusan perancangan, dan pengurusan fungsi organisasi Tikar kasah di Padawan.

“Management has been called “the art of getting things done through people”. This definition, by Mary Parker Follet, calls attention to the fact that managers achieve organizational goals by arranging for others to perform whatever tasks may be necessary-not by performing the task themselves” (Stoner dan Freeman, 1978. Halaman 3). Definisi yang paling popular ini menegaskan bahawa pengurus mempunyai tugas untuk menyelaraskan dan mengawal kerja yang dilakukan oleh orang bawahan untuk

mencapai matlamat tertentu. Matlamat tersebut tidak dapat dilaksanakan sekiranya dilakukan oleh pengurus secara bersendirian. Hal ini disebabkan, sesebuah organisasi memerlukan pekerja dan orang bawahan yang bertindak untuk menggerakkan aktiviti di organisasi agar organisasi tersebut dapat berkembang. Di sini dapat dilihat bahawa jika hanya terdapat pengurus namun tidak memiliki pekerja bawahan maka tidak dianggap sebagai sebuah organisasi. Oleh itu, istilah pengurus tidak dapat digunakan kerana beliau tidak memiliki jabatan-jabatan tertentu yang akan diuruskan. Seseorang pengurus juga tidak dapat mempersembahkan hasil kerja dalam sesebuah organisasi sekiranya bergerak secara individu.

Pengurusan sebenarnya merupakan salah satu proses yang berterusan. Secara lazimnya, pengurusan boleh didefinisikan sebagai satu proses merancang, mengorganisasi, memimpin, dan mengawal usaha kesemua ahli organisasi dan menggunakan sumber organisasi, iaitu sumber manusia, sumber kewangan, fizikal dan maklumat untuk mencapai objektif organisasi yang telah ditetapkan dengan cekap dan berkesan. Pengurusan Tikar Kasah penting dilaksanakan dalam usaha mengembangkan seni anyaman ini supaya tidak hanya dikenali di peringkat kampung.

Perancangan merupakan fungsi pengurusan yang paling asas. Pengorganisasian dan pengawalan dapat dilaksanakan dengan sempurna sekiranya perancangan dilakukan dengan jelas. Perancangan didefinisikan sebagai satu proses untuk menentukan matlamat dan memutuskan apakah tindakan yang paling sesuai untuk mencapai matlamat tersebut.

Selain itu, ia merupakan satu proses formal yang melibatkan penetapan misi dan matlamat organisasi secara menyeluruh bagi jangka panjang dan pendek. Perancangan juga melibatkan pembentukan matlamat cawangan jabatan dan individu berdasarkan matlamat organisasi, pemilihan strategi dan taktik untuk mencapai matlamat dan pengagihan sumber manusia, kewangan, peralatan dan kemudahan untuk mencapai matlamat, strategi dan taktik organisasi. “ *...plans give the organization its objectives and set up the best procedure for reaching them. The first step in planning is the selection of goals for the organization*” (Stoner and Freeman, 1978. Halaman 12)

Perancangan merupakan satu langkah untuk menentukan misi untuk tindakan yang lebih spesifik berdasarkan aliran misi, matlamat, strategi, taktik dan tindakan. Perancangan penting untuk memberi hala tuju kepada pengurus. Dengan adanya perancangan, pengurus dapat memastikan apa sebenarnya yang ingin dilakukan, bagaimana untuk melakukan sesuatu perkara yang telah diputuskan, mengapa beliau perlu melakukan perkara tersebut, bila untuk melakukannya, di mana beliau perlu melakukannya, siapa yang harus melaksanakannya dan lain- lain. Semua persoalan ini perlu diisi oleh pengurus dalam usaha mengetengahkan seni warisan ini.

Perancangan penting untuk membantu pengurus menyelaras dan mengorganisasi semua sumber yang perlu digunakan untuk mencapai matlamat organisasi. Semua sumber kebendaan dan sumber manusia dalam organisasi perlu digembleng untuk mencapai matlamat organisasi. Sebagai contohnya, matlamat organisasi adalah untuk

meningkatkan jualan Tikar Kasah sebanyak enam peratus pada tahun ini. Untuk mencapai matlamat ini, jurujual perlu memiliki kemahiran untuk menjual. Sistem ganjaran juga perlu dirancang untuk menggalakkan jualan.

Perancangan juga penting dalam memfokuskan segala usaha untuk mencapai matlamat. Dengan adanya arah tujuan yang jelas, komitmen dan usaha pekerja dapat ditingkatkan untuk menuju kearah pencapaian matlamat yang telah ditetapkan. *“Planning is the conversion of a choosen mission into a specific actions according to this sequence : missions, goals, strategies, plans, and actions”* (Kilner, 2010. Halaman 11). Perancangan penting untuk membantu pengurus membuat keputusan dan bertindak untuk memastikan pengurus tidak lari daripada matlamatasal serta mengenalpasti kesilapan yang dilakukan. Ia juga sebagai medium untuk menilai tindakan pembetulan yang perlu diambil dalam membantu pengurus menilai prestasi semasa. Perancangan ini perlu dilakukan lebih awal dalam organisasi yang mengusahakan industri penghasilan Tikar Kasah.

Selepas perancangan dibuat, tanggungjawab pengurus adalah untuk memastikan bahawa semua sumber di organisasi diagihkan dengan sempurna agar rancangan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan untuk mencapai objektif serta matlamat organisasi yang telah ditetapkan. Pengorganisasian menjelaskan tentang tugas-tugas setiap individu dalam organisasi, mengenalpasti individu yang bertanggungjawab terhadap individu yang lain dan membentuk saluran komunikasi formal. *“The*

organizational's total workload is divided into tasks that are then allocated to specific groups or department” (Kilner, 2010. Halaman 14). Sebagai contohnya, organisasi Tikar Kasah perlu melakukan agihkan pekerja mengikut tugas yang telah ditetapkan. Pecahan tugas mereka boleh dibahagikan kepada penganyam, pencari rotan, penilai hasil anyaman, dan lain-lain.

Proses pengorganisasian melibatkan empat langkah utama iaitu mengenalpasti aktiviti, menggolongkan aktiviti, mengagihkan tugas dan menyelaraskan tugas. Proses ini penting untuk penyusunan dan pengagihan sumber manusia dan sumber lain untuk melaksanakan tugas agar dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Misalnya, pembahagian tugas sumber manusia dapat diklasifikasikan berdasarkan elemen dalam campuran pemasaran. Elemen campuran pemasaran termasuklah produk, harga, promosi dan tempat. *“The elements of marketing mix most subject to measurement are: packaging, price, merchandising, distribution, advertising and sales promotion”* (Michael and Susan, 1999. Halaman 347).

Kepemimpinan merupakan salah satu daripada empat fungsi pengurusan yang dilaksanakan oleh seorang pengurus. Kepemimpinan merupakan satu proses dimana pemimpin cuba untuk mempengaruhi gelagat pekerjaanya agar mereka melaksanakan tugas yang diberikan untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Definisi ini bermaksud bahawa kejayaan seseorang pemimpin adalah amat bergantung kepada

sejauh mana pekerjanya berjaya melaksanakan tentang apa yang diarahkan. Kegagalan pekerja bermakna kegagalan pemimpin.

Tidak semua pemimpin memiliki gaya kepemimpinan yang sama. Gaya kepemimpinan merujuk kepada pendekatan yang digunakan oleh seseorang pemimpin untuk mempengaruhi pengikutnya. *“Authority to make decision flows from the top levels of management. Individuals expected to carry out the strategies of the firm must have the authority required to permit that process”* (Jim dan JoAnn,1990. Halaman 391). Oleh itu, adalah penting bagi pengurus untuk menjadi seorang pemimpin yang baik dan mengetahui cara untuk memastikan setiap arahan yang diberikan kepada pekerja dipatuhi dan dilaksanakan.

Proses memimpin bukan sahaja tertumpu kepada ketua yang berpangkat tinggi dalam organisasi. Tetapi turut diaplikasikan oleh mereka yang telah dipertanggungjawabkan untuk menyelia sekumpulan pekerja di sesebuah jabatan atau unit yang sama. Pemimpin formal merupakan pemimpin yang dilantik disebabkan kedudukan formal dalam organisasi. Contohnya, pengurus jabatan pemasaran merupakan pemimpin formal. Disebabkan jawatan beliau sebagai seorang pengurus, maka beliau bertanggungjawab untuk memimpin jabatan berkenaan.